



**KENYATAAN MEDIA**

**KUALA LUMPUR (19 JUN 2023)** – Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) mengalu-alukan pengumuman terbaru bahawa Malaysia telah keluar dari peringkat terendah dalam Laporan Pemerdagangan Orang (TIP) 2023 Jabatan Negara Amerika Syarikat tahun 2023. Status Malaysia yang dinaik taraf kepada Tahap 2 menandakan kemajuan yang ketara dalam menangani isu pemerdagangan orang berbanding tahun-tahun sebelumnya.

SUHAKAM memuji usaha bersepadu Kerajaan Malaysia dan semua pihak berkepentingan dalam meningkatkan kedudukan TIP negara. Langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan mencerminkan komitmen yang kukuh untuk memerangi pemerdagangan orang dan mengiktiraf kepentingan untuk keluar dari Tahap 3 bagi mengelakkan sekatan eksport produk-produk tempatan.

Dalam mengakui dan memuji pencapaian yang amat bermakna ini, adalah penting untuk menekankan komitmen berterusan yang diperlukan dalam memerangi pemerdagangan orang. Walaupun terdapat perkembangan dan kemajuan yang telah dilakukan, masih terdapat usaha yang perlu dilakukan untuk memerangi pelanggaran hak asasi manusia yang serius ini. SUHAKAM menggesa kerajaan untuk terus mengutamakan usaha untuk mencegah pemerdagangan orang, melindungi mangsa, dan memastikan pelaku bertanggungjawab.

Sebagai sebuah organisasi yang komited dalam mempromosi dan melindungi hak asasi manusia, termasuk memerangi pemerdagangan orang, SUHAKAM tetap teguh dalam menyokong inisiatif yang bertujuan untuk membasmi jenayah ini. Kerjasama antara Kerajaan, organisasi masyarakat sivil dan pihak berkepentingan yang relevan adalah penting untuk merealisasikan objektif Pelan Tindakan Kebangsaan mengenai Antipemerdagangan Orang 2021-2025 (NAPTIP 3.0) dan Pelan Tindakan Kebangsaan Mengenai Buruh Paksa 2021-2025 (NAPFL). Kerjasama sedemikian akan mengukuhkan tindak balas Malaysia terhadap pemerdagangan orang, melindungi kesejahteraan dan hak semua individu di dalam negara, dan menyumbang kepada penghapusan amalan yang terkutuk ini.

SUHAKAM mengulangi saranannya kepada Kerajaan untuk meningkatkan usaha bagi menghalang dan menerajui pembasmian pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, dan memastikan perlindungan sepenuhnya serta bantuan kepada mangsa-mangsa pemerdagangan dan penyeludupan di setiap peringkat, selari dengan standard antarabangsa yang ditetapkan oleh Protokol PBB untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pemerdagangan Orang, Terutama Wanita dan Kanak-kanak, iaitu sebagai protokol kepada Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menentang Jenayah Terancang Merentas Negara.

**-TAMAT-**

**Prof. Dato' Dr. Rahmat Mohamad**  
**Pengerusi**  
**Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)**  
**19 Jun 2023**